

Keputusan inkues Adib hari ini

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL
 pengarang@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 26 SEPT.

ESOK genap sembilan bulan anggota bomba Muhammad Adib Mohd. Kassim meninggal dunia akibat cedera parah selepas diserang di Kuil Sri Maha Mariamman ketika menjalankan tugas.

Esok juga genap tiga bulan lima hari Mahkamah Koroner yang menjalankan prosiding inkues bagi menentukan punca kematian lelaki itu mengambil masa untuk meneliti secara maksimum keterangan 30 orang saksi dan 137 eksibit yang dikemukakan sepanjang prosiding.

Koroner Rofiah Mohamad akan membuat satu daripada tiga jenis keputusan yang boleh dibuat dalam sesuatu prosiding inkues iaitu keputusan terbuka yang membawa maksud tidak diketahui punca kematian, kematian akibat kemalangan atau kematian akibat individu yang tidak dikenali.

Perlu diingatkan, prosiding inkues tidak akan menyatakan secara spesifik individu yang bersalah atau tidak sebagaimana sering diputuskan dalam percabaran kes jenayah.

Antara mereka yang dipanggil memberi keterangan dalam prosiding bermula 11 Februari lalu ialah saksi yang berada di tempat kejadian R. Narresh dan Mohd. Hafizan Nordin yang merupakan individu pertama membawa Muhammad Adib dengan membawa mangsa ke Subang Jaya Medical Centre (SJMC) dan bapa mangsa Mohd. Kassim Abdul Hamid.

Dalam keterangan Narresh, yang merupakan seorang anggota Sukarelawan Angkatan Pertahanan Awam, memberitahu ada kesan tapak kasut pada rusuk kanan Muhammad Adib manakala Mohd. Hafizan yang pernah bertugas sebagai pembantu perubatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melihat kesan lebam dari bahagian ketiak



KEMATIAN Muhammad Adib Mohd. Kassim menjadi tumpuan rakyat sehingga upacara pengkebumihannya dihadiri ribuan orang.

hingga pinggang mangsa.

Prosiding inkues yang mengambil masa 41 hari turut memperlihatkan pelbagai kejutan.

Pakar bercanggah dalam teori kecederaan Muhammad Adib, malah seorang daripadanya membuat laporan polis atas dakwaan diugut saksi lain. Kemudian timbul isu affidavit kontroversi Peguam Negara diikuti peletakan jawatan peguam Syazlin Mansor.

Saksi ke-24, Pakar Perubatan Forensik Hospital Kuala Lumpur (HKL) Dr. Ahmad Hafizam Hasmi mencadangkan kepada mahkamah bahawa kecederaan Muhammad Adib berpunca di dalam rongga dada (toraks) akibat trauma tumpul pada dada dan tidak sepadan dengan kecederaan akibat dipukul.

Teori tersebut bercanggah dengan keterangan saksi ke-29 Profesor Dr. Shahrom Abd. Wahid yang mencadangkan kecederaan Muhammad Adib adalah akibat hentakan pintu van Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) selepas ditarik keluar dari kenderaan terbabit sehingga menyebabkan tujuh tulang rusuknya patah.

Keterangan mangsa ditarik keluar daripada van disokong kesan kotorannya serta seretan di

bahagian punggung selain pada seluar Muhammad Adib terdapat kesan benang hitam terputus dan berbulu.

Ekoran percanggahan tersebut, Mahkamah Koroner telah memanggil Pakar Fizik Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dr. Amir Radzi Ab. Ghani sebagai saksi bagi membantu dalam prosiding inkues Muhammad Adib berhubung pengiraan daya hentaman. Keterangan saksi itu dilihat lebih konsisten dengan teori Dr. Shahrom.

Koroner Rofiah Mohamad selepas mendengar keterangan daripada 30 saksi akhirnya menutup prosiding itu pada 24 Julai lalu.

Muhammad Adib cedera parah disyaki dibelasah dalam kejadian rusuhan di Kuil Sri Maha Mariamman, USJ25, Subang Jaya dekat sini, 27 November 2018. Dia yang sepatutnya melangsungkan perkahwinan pada 23 Disember tahun lalu itu kemudian dirawat di unit jagaan rapi di Pusat Perubatan Sime Darby, Subang Jaya pada malam kejadian namun dipindahkan ke Institut Jantung Negara (IJN), Kuala Lumpur pada keesokan malamnya.

Beliau meninggal dunia di IJN pada pukul 9.41 malam pada 17 Disember 2018.

INKUES MUHAMMAD ADIB

• KORONER: Rofiah Mohamad

• INKUES MULA: 11 Februari 2019

• PEGAWAI PENGENDALI: Faten Hadni Khairuddin, Ashyraf Ashy'ari (Kamaruzaman)

• PEGUAM (Keluarga): Syazlin Mansor, Mohd. Kamaruzaman Abdul Wahab, Ahmad Taufiq Baharum, Ahmad Lutfi Awang, Mohd. Zubir Embong dan Mohd. Tajuddin Abdul Razak, Yahaya Othman, Zamri Ibrahim

• PEGUAM (KPPT & JBPM): Peguam-peguam (Kanan Persekutuan Suzana Atan, Mazlifah Ayob, Fadzilatul Isma Ahmad Refngah, Peguam Persekutuan Afiq Zainal Abidin)

SAKSI 30 ORANG BERLANGSUNG SELAMA 41 HARI

TEORI KECEDEeraan MUHAMMAD ADIB



DR. AHMAD HAFIZAM HASMI

Pakar Perubatan Forensik HKL

- Kecederaan Muhammad Adib berpunca di dalam rongga dada (toraks) akibat trauma tumpul pada dada.
- Kesan kecederaan tidak sepadan dengan cedera akibat dipukul.



PROF. DR. SHAHROM ABD. WAHID (SAKSI KE-29)

Perunding Kanan Patologi Forensik United Kingdom

- Muhammad Adib ditarik keluar dari van EMRS, terhimpit antara pintu sebelum dihentak sehingga menyebabkan tujuh tulang rusuknya patah.
- Terdapat kesan kotorannya, seretan pada seluar Muhammad Adib di bahagian punggung selain terdapat kesan benang hitam terputus serta berbulu.



DR. AMIR RADZI AB. GHANI (SAKSI KE-30)

Pakar Fizik Universiti Teknologi Mara (UiTM)

- Bersetuju dengan formula yang dikemukakan Dr. Shahrom lebih rasional dalam pengiraan daya.
- Kedudukan statik Muhammad Adib boleh menyebabkan kecederaan lebih parah.